

**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJI BIN HAJI NOOR**  
**KETUA MENTERI SABAH**  
**MAJLIS PERASMIAN “SULAMAN PEDULI, DEKAT DI HATI”**  
**BERTEMPAT DI DEWAN LINANGKIT DATUK PATRICK JILAN TUARAN**  
**6 MAC,2021**

Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat petang dan Salam Sabah Maju Jaya.

Guru Besar, Penolong Kanan sekolah-sekolah di sekitar kawasan DUN Sulaman serta hadirin yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, dengan izin-NYA dan buat julung kalinya, kita dapat bersama-sama menjayakan program “Sulaman Peduli, Dekat DiHati”, Penyerahan Pakej Telefon Pintar kepada sekolah di sekitar DUN Sulaman ini.

2. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak penganjur, Alumni Universiti Islam Antarabangsa cawangan Sabah dengan kerjasama Pusat Pelaburan, Endowmen dan Wakaf Universiti Malaysia Sabah serta Kesatuan Guru Kerajaan Sabah Cawangan Tuaran atas penganjuran program ini.

3. Kerajaan negeri amat prihatin, peka dan menyokong aktiviti berkaitan pendidikan di Sabah. Terutama sekali ketika pandemik COVID-19 ini yang mana struktur pembelajaran dalam bidang pendidikan juga tidak terkecuali terkesan akibat virus ini. Dalam keadaan norma baharu ini, gajet seperti telefon pintar menjadi satu keperluan penting bagi memastikan kaedah pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan baik.

4. Saya dimaklumkan oleh pihak penganjur seramai 160 pelajar dari 16 sekolah di DUN Sulaman akan menerima telefon pintar itu hari ini. Terima kasih saya ucapkan kepada pihak yang terlibat dalam menjayakan usaha murni ini untuk membantu pelajar yang memerlukannya. Ini menunjukkan bahawa kita semua mengambil berat dengan keperluan isu pembelajaran semasa. Saya juga berharap agar pelajar yang menerima sumbangan ini akan menggunakannya sebaik mungkin.

5. Saya juga difahamkan bahawa sumbangan sebanyak 160 telefon pintar ini turut merangkumi set “*enlarged screen*”, “*powerbank*”, “*headset*” dan wang tunai untuk membeli kad sim. Saya berharap ini dapat membantu pelajar dalam proses pembelajaran mereka.

6. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya berharap lebih banyak lagi usaha seperti ini daripada mana-mana pihak lain termasuk syarikat swasta, untuk tampil membantu memberi sumbangan. Inisiatif yang dibuat pihak penganjur ini amat baik dan perlu dicontohi kerana ia sedikit sebanyak dapat membantu pelajar kita dalam memastikan kelangsungan proses pembelajaran mereka. Walaupun pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka sudah dimulakan sejak 1 Mac lalu, namun gajet ini masih perlu digunakan untuk mendapat maklumat pembelajaran yang lain, terutama ketika norma baharu ini.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah, wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.